

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 10, 2020 9:48 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Strike Tournament Perkasakan Hubungan UUM - Media



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

10 FEBRUARI 2020 / 16 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: UUM Corporate Comm.

STRIKE TOURNAMENT PERKASAKAN HUBUNGAN UUM - MEDIA



UUM ONLINE: Alor Setar- Penganjuran UUM & Media Kedah Strike Tournament Sempena Hari Pengasasan UUM ke-36 berperanan sebagai platform bagi merai dan mengukuhkan hubungan mesra yang sedia terjalin antara kedua pihak.

Kehadiran rakan-rakan media cetak dan elektronik dari Berita Harian, Bernama, Harian Metro, China Press, RTM, TV3, Astro Awani, The Star dan Warta Kedah telah memeriahkan perlawanan boling di Kedah Bowl, City Plaza, kelmarin.

Pemangku Bendahari UUM, Eylani Ahmad berkata, UUM sentiasa menjalankan kerjasama dan sinergi dengan pelbagai pihak termasuk kerjasama dengan pihak media bagi memastikan visi dan misi Universiti Pengurusan Terkemuka ini tercapai.

“Kita menyedari peranan media amat penting dalam membantu melonjakkan nama UUM, justeru acara ini merupakan satu penghargaan kepada pihak media yang telah banyak membantu UUM dari segi publisiti kepada pihak awam,” katanya.

Pada masa sama, beliau turut berkongsi tentang projek terkini UUM iaitu pelancaran Nombor Plate UUM Eksklusif di mana pihak pengurusan universiti bersetuju untuk mengadakan Majlis Pelancaran Bidaan Plat UUM pada 16 Februari 2020, bersempena dengan Sambutan Hari Pengasasan UUM ke-36.

Sementara itu, Setiausaha Kelab Media Elit Kedah (KMEK), Roshila Murni Rosli menyatakan sokongan media yang tidak berbelah bahagi kepada UUM dengan membuat liputan program dan cuba untuk memenuhi undangan universiti.

Menurutnya, dia teruja apabila UUM dan media dapat berkumpul pada hari ini dan berkolaborasi dalam aktiviti yang cukup bermakna dan meriah.

“Kita dapat lihat UUM dan media Kedah bertanding dalam satu kumpulan dan berjuang bersama untuk menaikkan pasukan masing-masing dalam suasana harmoni.

“Syabas dan tahniah kepada UUM Corporate Communication yang berjaya menganjurkan majlis ini dan berharap program seumpamanya dapat diteruskan pada masa akan datang,” katanya.

Kejohanan itu menyaksikan pasukan dari Lane 16 yang disertai Roshila Murni Rosli (Sinar Harian), Azmi Sudin (RTM) dan Hafiz Hisyamuddin Saad (UUM) dinobatkan sebagai juara, diikuti pasukan dari Lane 11 terdiri daripada Mazlin Md Isa (Awani), Ku Ahmad Hafiz Ku Nayan (UUM) dan Eric Tan (The Star) manakala pasukan dari Lane 12 disertai Mohd Rizal Helmy Abdullah (UUM), Nurul Hasma Hasnan (NSTP) dan Farhan (Bernama) berada di tempat ketiga.

Manakala, juara individu lelaki dimenangi Mazlin Md Isa (Awani), tempat kedua oleh Azmi Sudin (RTM) dan Syaharim Abidin (Bernama) tempat ketiga, diikuti juara individu perempuan dirangkul Nordiana Shafiee (UUM), tempat kedua, Hasliza Hassan (UUM) dan Nurul Hasma Hasnan dari NSTP di tempat ketiga.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.